

Headline	Bujang ke Tanah Suci		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	337 cm <sup>2</sup>
Journalist	Siti Farahiyah Aziz	AdValue	RM 13,276
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,827



# Bujang ke Tanah Suci

■ **Warga emas tanggung hajat dua kali reda tunai haji seorang diri**

Siti Farahiyah Aziz  
am@hmetro.com.my

## Kelana Jaya

**B**ujang hingga ke Makkah. Itu situasi dialami bekas pekerja kilang Maimunah Itam, 69, apabila hasratnya untuk mengerjakan ibadat haji bersama ibu bapanya tidak kesampaian apabila mereka terlebih dulu dijemput Ilahi.

Maimunah berkata, ibu bapanya meninggal dunia akibat sakit tua, 10 tahun lalu menyebabkan dia yang masih bujang tabah meneruskan kehidupan di samping adik-beradik lain.

"Selepas hasrat ke Makkah bersama emak dan ayah tidak kesampaian, saya merancang pergi bersama kakak sebagai teman memandangkan masing-masing tidak pernah ke sana.

"Bagaimanapun, saya sekali lagi diuji apabila perancangan sejak 2010 tidak kesampaian apabila kakak pula dijemput Ilahi tahun lalu," katanya ketika ditemui di Kompleks Tabung Haji, di sini.

Menurutnya, tidak dinafikan dia sedih selepas dua kali diuji apabila perancangannya menyempurnakan rukun Islam kelima bersama insan tersayang tidak tercapai.

"Siapa tidak sedih, tetapi kita hanya mampu merancang dan kali ini, saya bertekad



AHLI keluarga yang menghantar jemaah haji di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya.

pergi walaupun hanya seorang diri kerana peluang mengerjakan ibadat haji mungkin sekali seumur hidup.

"Lagipun kita perlu meletakkan keyakinan dan berserah kepada Allah dalam setiap urusan ibadat kerana hanya Allah tempat bergantung," katanya.

Katanya, setakat ini, beliau tidak menghadapi masalah kewangan ke sana kerana sudah membuat persembaan awal dengan menyimpan sedikit demi sedikit kerana tiada tempat yang mahu dituju melainkan Makkah.

"Soal jodoh biarlah diuruskan oleh-Nya dan dalam usia hampir 70 tahun ini, saya

ingin fokus mendekati diri kepada Allah dengan memperbanyakkan amal ibadat.

"Saya hanya berharap diberikan kesihatan yang baik sepanjang berada di Tanah Suci dan memperoleh haji yang mabrur," katanya

yang berasal dari Jelebu, Negeri Sembilan.

**Soal jodoh biarlah diuruskan oleh-Nya Maimunah**

